

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

1 JANUARI 2026

TM. 05/2026

VM2026 DILANCARKAN: MALAYSIA MENYAMBUT MESRA PELAWAT DI SELURUH NEGARA

KUCHING, SARAWAK — Tourism Malaysia hari ini membuka tirai tahun baharu dengan penganjuran acara sambutan khas di pintu-pintu masuk utama dan hab pengangkutan awam di seluruh negara bagi mengalu-alukan ketibaan pelawat bersempena pelancaran rasmi kempen Visit Malaysia 2026 (VM2026).

YB Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP) Sarawak telah menyempurnakan majlis sambutan yang berlangsung di **Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK)**, yang juga merupakan lokasi utama sambutan.

Acara sambutan di LTAK ini merupakan sebahagian daripada inisiatif nasional yang dilaksanakan secara serentak di 55 pintu masuk utama melibatkan 13 negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan. Bagi Wilayah Sarawak, sebanyak lima (5) lokasi pintu masuk darat iaitu **ICQS Sungai Tujuh, Tebedu, Tedungan, Pandaruan dan Biawak** serta empat (4) pintu masuk udara iaitu **Kuching, Sibu, Miri dan Bintulu** telah dipilih sebagai lokasi penganjuran.

Sebagai tanda penghargaan, para pelawat yang tiba di LTAK telah disambut dengan pelbagai aktiviti dan keraian, antaranya:

- **Persembahan Kebudayaan:** Persembahan tradisional dan kontemporari yang memaparkan elemen warisan Malaysia.
- **Cenderamata Eksklusif:** Pemberian barangan bertemakan VM2026 termasuk rantai kunci maskot rasmi kempen, Wira dan Manja.
- **Sumbangan Rakan Strategik:** Edaran baucar, produk makanan dan minuman serta cenderamata daripada penaja seperti Sarawak Tourism Board dan Business Events Sarawak.

Pada masa yang sama, **YB Tuan Chiew Choon Man, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya** turut hadir menyempurnakan sambutan ketibaan pelawat di Lapangan Terbang Sibu dan Miri, sekali gus mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam menjayakan VM2026 serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di peringkat antarabangsa.

Kempen VM2026 menyasarkan ketibaan 43 juta pelawat antarabangsa pada tahun 2026, dengan matlamat memperkukuh sektor pelancongan sebagai salah satu pemacu utama ekonomi negara. Berteraskan lagu tema *Surreal Experiences*, lebih daripada 300 program dan acara telah dirangka sepanjang tahun merangkumi festival kebudayaan utama Malaysia termasuk Pesta Kaamatan (Tadau Ka'amatan) dan Pesta Gawai di Borneo.

Kerjasama erat di antara Tourism Malaysia, Kerajaan Negeri Sarawak dan rakan strategik industri pelancongan mencerminkan kesiapsiagaan negeri ini dalam menawarkan pengalaman pelancongan yang inklusif, inovatif dan lestari kepada pelawat dari seluruh dunia.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Siti Intan Safina binti Mohamed Saji @ Atan

Pegawai Pelancongan

Pejabat Penyeliaan TIC Sarawak

intansafina@tourism.gov.my

Tel: +608 246 775 / 575

Norshariza binti Mohd Saad

Timbalan Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

norshariza@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8775

